



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

#### **REBUT PELUANG PELEPASAN TAKSIRAN CUKAI PENDAPATAN DENGAN SIMPAN SSPN**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah memperkenalkan Simpan SSPN pada tahun 2004 untuk menggalakkan ibu bapa membuat perancangan kewangan awal bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak mereka. Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada pendeposit seperti pelepasan taksiran cukai sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, kadar dividen yang kompetitif, simpanan yang dijamin kerajaan dan patuh syariah.
2. Simpan SSPN merupakan satu-satunya produk simpanan yang menawarkan manfaat pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih tahun semasa sehingga RM8,000 setahun. Ibu bapa sebagai pendeposit Simpan SSPN layak mendapat pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun setiap seorang sekiranya membuat taksiran cukai secara berasingan. Manakala, ibu bapa sebagai pendeposit yang membuat taksiran cukai bersama layak mendapatkan pelepasan taksiran cukai sehingga RM8,000 setahun untuk satu pasangan.
3. Pengerusi PTPTN, YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, "PTPTN sentiasa komited melaksanakan pelbagai insentif bagi memastikan ibu bapa mempunyai perancangan kewangan untuk masa depan anak-anak mereka. Dengan memperkenalkan Simpan SSPN, kita telah membuka ruang dan peluang kepada ibu bapa untuk memulakan penabungan khususnya bagi tujuan pendidikan dan memupuk amalan menabung dari awal usia anak-anak."

4. "Oleh itu, saya menyeru kepada masyarakat Malaysia untuk segera membuat simpanan dalam Simpan SSPN sebelum 31 Disember 2023 agar berpeluang menikmati insentif pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun bagi tahun taksiran 2023. Saya juga amat berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah melanjutkan insentif pelepasan taksiran cukai ini kepada pendeposit Simpan SSPN sehingga tahun taksiran 2024," tambah beliau.
5. Selain itu, PTPTN turut mengadakan Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023 yang akan berakhir pada 31 Disember 2023. Hadiyah yang ditawarkan amat lumayan iaitu hadiah tunai hampir RM500,000 untuk 138 orang pemenang. Ini sebagai tanda penghargaan kepada pendeposit Simpan SSPN dan menggalakkan penabungan dalam kalangan masyarakat Malaysia.
6. Sehingga 30 November 2023, deposit Simpan SSPN yang diterima adalah berjumlah RM16.38 bilion dengan sebanyak 6.18 juta akaun direkodkan. Ini menunjukkan Simpan SSPN menjadi pilihan utama masyarakat Malaysia untuk membuat penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi.
7. Pembukaan akaun Simpan SSPN atau membuat penambahan simpanan boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi myPTPTN dengan lebih mudah, cepat dan selamat. Layarilah portal rasmi PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) untuk maklumat lanjut.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**  
**16 Disember 2023**